

Arab huru-hara jika Iran diserang

Bm 22/6/05 m/s 18

Tentera Israel dipercayai rancang lancar serangan ke atas kemudahan nuklear Teheran

DUBAI: Ketua Pengarah Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) Mohamed ElBaradei semalam memberi amaran sebarang serangan ke atas Iran bakal menjadikan keseluruhan rantau Arab itu diselubungi huru-hara.

“Bagi saya, serangan ke atas Iran hanya mengundang padah yang jauh lebih buruk. Ia bakal merubah rantau Asia Barat menjadi huru-hara dan dipenuhi kemusnahan,” katanya dalam temu bual dengan sesen televisyen *Al-Arabiya*, semalam.

Kenyataannya itu dibuat sehari selepas media Amerika Syarikat mendedahkan tindakan sekumpulan juruterbang tentera Israel berlatih bagi kemungkinan melancarkan serangan ke atas tapak nuklear Iran.

Elbaradei turut menegaskan, andaian serangan itu dilaksanakan, beliau sendiri sukar untuk menerus-

kan tugas sebagai ketua agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkenaan.

Serangan itu juga, katanya tidak membawa sebarang hasil, sebaliknya mengukuhkan lagi kedudukan Iran dalam pertikaiannya dengan Barat berhubung program nuklear.

“Serangan itu juga akan membolehkan Iran melancarkan program kecemasan menghasilkan bom atom. Ia akan mendapat sokongan semua rakyat Iran, termasuk yang tinggal di luar negara,” tegas El-Baradei.

Akhbar *New York Times* memetik pegawai Amerika sebagai berkata, tentera Israel melancarkan latihan tentera besar-besaran awal bulan ini yang disifatkan sebagai petanda kemungkinan ia melancarkan serangan ke atas kemudahan nuklear Iran.

Di Athens, seorang pegawai Pusat


Pemerintah Tentera Udara Greece, mengesahkan laporan itu dan mengakui pasukan berkenaan turut menyertai latihan bersama dengan Israel di Pulau Crete di Mediterranean.

Latihan dikenali ‘Glorious Spartan 08,’ diadakan pada 28 Mei dan 12 Jun lalu yang antara lain membabitkan pertukaran maklumat dan latihan udara, kata sumber Greece yang enggan dikenali itu.

Sasaran latihan berkenaan adalah supaya lebih 100 jet pejuang F-16 dan F-15 Israel bersedia melancarkan serangan jarak jauh selain memaparkan kebimbangan negara rejim Zionis itu terhadap program nuklear Iran.

Di Iran, ulama kanannya, Ayatollah Ahmad Khatami memberi amaran yang Israel bakal berdepan tamparan paling hebat jika ia menyerang Iran. – AFP

“Serangan itu juga akan membolehkan Iran melancarkan program kecemasan menghasilkan bom atom. Ia akan mendapat sokongan semua rakyat Iran, termasuk yang tinggal di luar negara”



Mohamed ElBaradei
Ketua Pengarah Agensi
Tenaga Atom Antarabangsa